

Haji, umrah kerajaan bincang SOP dengan Arab Saudi



ZULKIFLI Mohamad Al-Bakri menandatangani plak Pelancaran Dana Wajar Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) di Institut al-Quran Darul Aman (Iqdar) di Alor Setar, hari ini. - UTUSAN/JAMLIAH ABDULLAH

Oleh JAMLIAH ABDULLAH 30 Mac 2021, 3:54 pm

ALOR SETAR: Kerajaan akan mengadakan perbincangan lanjut dengan kerajaan Arab Saudi berhubung syarat khusus penyelenggaraan termasuk prosedur operasi standard (SOP) bagi jemaah menunaikan haji serta umrah di Mekah tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, beliau sendiri akan mengadakan kunjungan hormat dengan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi itu pada bulan depan.

"Insya-Allah, saya sendiri akan pergi ke sana dalam seminggu, dua lagi untuk melihat. SOP juga sebahagian daripada matlamat kami untuk lihat sama ada di sebelah kita Malaysia, dan Arab Saudi.

"Insya-Allah, ulasan panjang lebar kami beri selepas daripada ini," katanya ketika ditemui selepas majlis Pelancaran Dana Wajar Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) di Institut Al-Quran Darul Aman (Iqdar) di sini, hari ini.

Menyentuh tentang syarat vaksin Covid-19 bagi setiap jemaah, kata beliau, pihaknya turut mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi menetapkan SOP terbaik dan khusus bagi jemaah Malaysia yang akan menunaikan umrah atau haji kelak.

"Kolaborasi akan dibuat antara kita dengan Mosti (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi) dan juga dengan

Kolaborasi akan dibuat antara kita dengan MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi) dan juga dengan Kementerian Kesihatan secara percakapan mulut mereka akan beri kerjasama baik.

"Apabila kita dapat keputusan, begitu juga syarat ditetapkan Kerajaan Arab Saudi, khususnya berkenaan dengan haji, maka, kita akan cuba ikut semaksimum mungkin untuk jemaah kita," katanya.


Baru-baru ini, Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi mengesahkan tiada permit umrah dan haji akan dikeluarkan kepada jemaah tempatan berusia 70 tahun dan ke atas tanpa mengira status vaksinasi mereka.

Kementerian Kesihatan sebelum itu menasihati mereka yang berhasrat menunaikan ibadah haji dan umrah untuk mendapatkan suntikan vaksin Covid-19.

Sebelum ini beredar berita kerajaan Arab Saudi akan membenarkan penerbangan antara bangsa bermula esok, namun, ia kemudian ditangguh ekoran pandemik yang masih belum reda di seluruh dunia. -UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA


by



Bakal jemaah haji divaksin bermula pertengahan Mei ini

Jawatan PM hanya untuk UMNO


Perlu segera fatwa khusus solat Jumaat luar pagar masjid



Game Ubisoft di Kedai Rasmi. Jaminan harga terbaik

Keuntungan TH lebih tinggi

Pas Negeri Sembilan 'rela berkorban' kerusi?



POPULAR



Sabah masih terdedah ancaman penculikan

31 Mac 2021, 9:07 am



Undi18: PN alih beban kepada SPR?

31 Mac 2021, 9:03 am



Belajar Matematik lebih seronok sewaktu pandemik

31 Mac 2021, 9:00 am



Siapa sebenarnya yang dangkal?


31 Mac 2021, 9:00 am

IKLANKAN PRODUK ANDA DI SINI

Utusan
Malaysia

Kosmo!

Hubungi kami
sales@mediamulla.com.my





AIM bantu Bayah ternak rusa

Wujudkan mahkamah khas berkaitan dadah

Dari jurutera ke premis cuci kereta

Neelofa ke Langkawi atas urusan kerja

Bukit Malut jadi kampung tersusun

AS akan rampas sarung tangan Top Glove

BERITA BERKAITAN



Sabah masih terdedah ancaman penculikan

31 Mac 2021, 9:07 am



Undi18: PN alih beban kepada SPR?

31 Mac 2021, 9:03 am

**OKU bengkel mini tawar khidmat cuci kenderaan**

31 Mac 2021, 9:00 am

**Bin Zayed sasar pelaburan FDI RM100 bilion**

31 Mac 2021, 9:00 am

The Malaysian Reserve is available at Klang Valley

MPH BOOKSTORES

7 ELEVEN

myNEWS.com

*Selected Outlets Only

PEMIKIRAN BARU

Utusan Malaysia

PREMIUM
LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami